

# Program keluarga angkat mantapkan jati diri pelajar UMS

UM 07.12.2011 27

KOTA BELUD 26 Dis. - Program Penyerahan Anak Angkat sempena Program Khemah Kerja Pewaris Muda Perdana 1Malaysia amat bertebaran dengan gagasan itu dalam usaha menyemaikan nilai murni terhadap semua peserta terlibat.

Pegawai Daerah Kota Belud, Abd.


Gari Itam berkata, golongan belia adalah pemimpin pelapis masa hadapan, oleh itu amat perlu mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan dalam pelbagai bidang.

"Program ini merupakan salah satu contoh latihan terbaik apabila ia mampu membentuk mutu kepimpinan berkualiti memandangkan para peserta dideahkan dengan kehidupan sebenar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Penyerahan Anak Angkat, anjuran Komuniti Bistari Kuala Abai bersama Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini, kelmarin.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Penolong Pegawai Daerah, Norsafi Dukuh.

Tambah Abd. Gari, program itu



**MOHD. JUNAIDI**

mampu mempromosikan Kota Belud sebagai tempat yang kaya dengan adat dan budaya serta mempunyai persekitaran yang indah.

Sementara itu, seorang penerima anak angkat, Sungko Siang, 74, berkata, beliau amat gembira menyertai program ini kerana telah lama

berhasrat untuk mendapatkan anak angkat.

"Saya akan dedahkan cara hidup kami di sini sebagai nelayan dan berharap anak angkat saya dapat menyelami budaya kami di sini," katanya.

Dalam pada itu, Mohd. Junaidi



**SEBAHAGIAN** daripada pelajar UMS bersama keluarga angkat pada Majlis Penyerahan Anak Angkat di Kota Belud, baru-baru ini.

**Abd. Rashid**, 21, dari Gua Musang, Kelantan, yang menuntut dalam Jurusan Psikologi di UMS dalam Tahun 2 berkata, program ini sangat bermakna baginya.

"Saya akan menggunakan saat ini sebaik-baiknya untuk bersama keluarga angkat saya, dan menge-

nali cara kehidupan orang kampung Kampung Kuala Abai," katanya.

Seramai 40 pelajar dari UMS menyertai program ini, yang julung-julung kalinya dilaksanakan di Kuala Abai, dan diisi dengan pelbagai pengisian sepanjang tempoh program berlangsung.